


Laporan Penilaian Program Latihan Kursus Jangka Pendek Ikhtisas Perguruan

Dapatan kajian ini adalah analisis soal selidik kepuasan peserta terhadap Program Latihan Kursus Jangka Pendek Ikhtisas Perguruan YAPIS-KUIS. Berdasarkan kepada soal selidik tersebut, terdapat tiga bahagian iaitu Bahagian A (Penyampaian Fasilitator dan Kandungan Bahan), Bahagian B (Kesesuaian Kandungan untuk Peserta), dan Bahagian C (Pengurusan Program). Seramai 18 orang peserta yang menjawab soal selidik ini

Bahagian A menjelaskan berkaitan penyampaian fasilitator dan kandungan bahan. Rajah 1 menunjukkan metodologi atau kaedah penyampaian fasilitator yang digunakan sepanjang kursus yang dilalui oleh peserta. Rajah 1 menjelaskan bahawa sebanyak 50 peratus daripada peserta berpendapat bahawa metodologi yang digunakan oleh fasilitator adalah sangat memuaskan. Manakala 38.9 peratus bersetuju bahawa metodologi penyampaian fasilitator adalah memuaskan dan hanya 11.1 peratus daripada keseluruhan peserta menyatakan metodologi penyampaian peserta berada pada tahap sederhana.

BAHAGIAN A


1: Metodologi yang digunakan adalah sesuai. (18 responses)



Rajah 1: Metodologi Penyampaian Fasilitator

Soalan kedua adalah berkaitan dengan bahan latihan yang digunakan oleh fasilitator dan peserta sepanjang kursus. Rajah 2 menjelaskan bahawa 55.6 peratus peserta bersetuju dengan tahap sangat memuaskan dengan kelengkapan bahan latihan yang digunakan dan bahan-bahan tersebut semestinya sesuai dengan yang mereka hadiri. Manakala 38.9 peratus pula menyatakan bahawa mereka berada pada tahap memuaskan dengan bahan yang digunakan kerana sesuai dengan lengkap disediakan. Selebihnya hanya 5.5 peratus peserta menunjukkan tahap sederhana sahaja berkenaan kesesuaian dan kelengkapan bahan kursus yang disediakan.

2: Bahan latihan yang digunakan adalah lengkap dan bersesuaian. (18 responses)




Rajah 2: Kelengkapan Bahan Latihan

Seterusnya, Rajah 3 menunjukkan bahawa sebanyak 44.4 peratus peserta kursus berpendapat bahawa aktiviti yang dijalankan oleh fasilitator adalah sesuai dan berkesan dengan tahap sangat memuaskan. Manakala 38.9 peratus bersetuju dengan tahap memuaskan dan selebihnya hanya 16.7 peratus pada tahap sederhana berkaitan aktiviti yang dijalankan oleh fasilitator.


3: Aktiviti yang dijalankan (kajian kes, simulasi dan perbincangan kumpulan) adalah sesuai dan berkesan

(18 responses)



Rajah 3: Kesesuaian Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran


4: Jangkamasa pelaksanaan program adalah sesuai. (18 responses)



Rajah 4: Kesesuaian Jangkamasa Pelaksanaan Program

Soalan keempat adalah berkaitan dengan jangkamasa pelaksanaan program latihan yang sesuai. Rajah 4 menjelaskan bahawa 44.4 peratus peserta bersetuju dengan tahap memuaskan dengan jangkamasa pelaksanaan latihan adalah sesuai. Manakala 33.3 peratus pula menyatakan bahawa mereka berada pada tahap sederhana dengan tempoh masa program latihan tersebut. Seterusnya 11.1 peratus peserta menunjukkan tahap sangat memuaskan berkaitan kesesuaian tempoh masa pelaksanaan program latihan. Namun, terdapat seramai 11.1 peserta menyatakan bahawa mereka kurang memuaskan dengan tempoh masa program yang dilaksanakan.

5: Kandungan program adalah menepati objektif program. (18 responses)



Rajah 5: Objektif Berkaitan dengan Kandungan Program

Seterusnya, Rajah 5 menunjukkan bahawa sebanyak 61.1 peratus peserta berada pada tahap sangat memuaskan kerana mereka berpendapat bahawa kandungan kursus yang disampaikan oleh fasilitator adalah aktiviti yang dijalankan oleh fasilitator adalah berkaitan dengan program yang dilaksanakan. Manakala 33.3 peratus bersetuju dengan tahap memuaskan dan selebihnya hanya 5.6 peratus pada tahap sederhana berkaitan kandungan program yang bertepatan dengan objektif program.


Bahagian B menjelaskan tentang pengetahuan dan kemahiran yang disampaikan oleh fasilitator dan kandungannya sesuai untuk diaplikasikan di tempat kerja. Rajah 6 menunjukkan bahawa kesesuaian pengetahuan dan kemahiran untuk diaplikasikan di tempat kerja peserta. Seramai 83.3 peratus peserta bersetuju dengan tahap sangat memuaskan bahawa ilmu yang mereka perolehi boleh diaplikasikan di tempat kerja mereka. Manakala 11.1 peratus bersetuju pada tahap memuaskan dan selebihnya

sebanyak 5.6 peratus peserta bersetuju pada tahap sederhana bahawa ilmu yang mereka perolehi sesuai untuk diaplikasikan di tempat kerja.

BAHAGIAN B

1: Pengetahuan/kemahiran yang disampaikan dalam program ini sesuai diaplikasikan di tempat kerja.

(18 responses)




Rajah 6: Kesesuaian Kemahiran dan Pengetahuan Kepada Peserta

Seterusnya, Rajah 7 menunjukkan bahawa sebanyak 55.6 peratus peserta berada pada tahap memuaskan kerana mereka berpendapat bahawa program yang dikendalikan oleh YAPIS dan KUIS adalah lancar dan teratur. Manakala 22.2 peratus bersetuju dengan tahap sederhana dan selebihnya hanya 5.6 peratus pada tahap sangat memuaskan program yang dikendalikan oleh YAPIS dan KUIS adalah lancar dan teratur. Namun terdapat 5.5 peratus peserta menyatakan dengan tahap kurang memuaskan terhadap kelancaran dan keteraturan program yang dikendalikan oleh YAPIS dan KUIS.

BAHAGIAN C


1: Pengendalian Program adalah lancar dan teratur. (18 responses)



Rajah 7: Pengurusan Program Lancar dan Teratur

2: Kualiti dan kebersihan makanan yang disediakan sepanjang program.


(18 responses)



Rajah 8: Kualiti dan Kebersihan Makanan Semasa Program

Rajah 8 menunjukkan bahawa kualiti dan kebersihan makanan yang disediakan sepanjang program. Untuk makluman, sepanjang program kursus ini, penganjur tidak menyediakan makanan dan minuman kepada peserta. Namun soalan ini bermaksud dengan kemudahan untuk mendapatkan makanan dan minuman di sekitar tempat kursus dan tempat penginapan peserta. seramai 22.2 peratus peserta bersetuju pada tahap sangat memuaskan bahawa kualiti dan kebersihan makanan sepanjang program berlangsung. Manakala seramai 55.6 peratus peserta setuju pada tahap memuaskan manakala seramai 22.2 peratus peserta setuju pada tahap sederhana dengan kualiti dan kebersihan makanan sepanjang program tersebut.


3: Kemudahan program adalah lengkap. (18 responses)



Rajah 9: Kelengkapan dan Kemudahan Program

Aspek terakhir yang dilihat adalah kelengkapan dan kemudahan program yang disediakan oleh pihak penganjur. Rajah 9 menunjukkan seramai 27.8 peratus peserta setuju pada tahap sangat memuaskan bahawa kelengkapan yang disediakan oleh penganjur program adalah lengkap. Manakala seramai 55.6 peratus peserta setuju dengan tahap memuaskan bahawa kemudahan program adalah lengkap dan selebihnya 16.7 peratus peserta setuju pada tahap sederhana dengan kelengkapan program yang disediakan oleh penganjur program.

Komen Dan Pandangan Peserta Terhadap Keseluruhan Program



- **Sila berikan pandangan / komen keseluruhan anda mengenai program ini:**

- Baik, Perlu diteruskan. **Pengurusan** perlu diperbaiki
- -
- kursus ini perlu diteruskan untuk guru-guru swasta lain
- program ini sangat baik dan perlu diteruskan. Cuma perlu diperbaiki dari sudut **pengurusan** asrama dan persediaan menerima tetamu. Mohon juga maklumat program **dijelaskan** terlebih dahulu termasuklah kos keseluruhan program supaya peserta lebih bersedia. Dari sudut pengisian program, sangat baik. Membantu lami perbaiki kemahiran mengajar dan ilmu pendidikan.
- boleh diperbaiki dan pelbagaikan lagi **metodologi** seperti kajian, kerja kursus, atau lain-lain.
- bagus, boleh diperbaiki. tapi **masa** kuliahnya agak panjang. mungkin boleh divariasikan penyarah agar guru-guru tidak bosan. **pengendalian** program oleh pihak YAPIS agak kalut pada awal-awalnya.
- program sebegini perlu diteruskan cuma kalau boleh jangan mengganggu **waktu** persekolahan. Pihak KUIS juga perlu libatkan pelajar KUIS untuk urusan **persediaan** tempat kursus dan asrama supaya lebih teratur.
- kursus yang diberikan sangat memuaskan dan penyarah yang tip top dan menyeronokkan tetapi kelemahan daripada segi **pengurusan** penginapan peserta.
- bagus dan perlu diteruskan kepada lebih ramai guru
- program sangat bermanfaat dan membantu dalam melaksanakan tugas. Perlu diteruskan untuk peringkat seterusnya.
- program yang baik untuk para guru. perlu diadakan lagi pada masa akan datang.
- **bilik** yang tidak memuaskan. lampu bilik kuliah di pusat latihan kurang baik.
- mohon panjangkan kerana input yang diperolehi padat & kekurangan **masa**. secara keseluruhannya, terbaik.
- program ini sangat bagus kepada saya untuk membaiki dan penambahbaikan dari segi pengajaran dan pembelajaran sedia ada.
- program yang baik dalam membantu guru yang tiada pengalaman dan pengetahuan tentang ilmu pendidikan. bahan latihan juga sangat bersesuaian dan bermanfaat untuk digunakan.
- kursus dipanjangkan lagi. bila pendek, **masa**, bahan banyak. tepu untuk menerima semua ilmu. tapi OK lah. the best pihak kuis banyak dapat belajar.
- cadangan **masa** atau waktu latihan hujung bulan antara November - Disember, dan tidak berturutan hari. Adakan juga bengkel.
- boleh dijalankan untuk guru-guru yang masih belum mempunyai sijil supaya guru-guru tahu cara mengajar dengan betul.